



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA**  
*(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)*

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**TARIKH BUKA IKLAN: 13 JUN 2022**

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

**JAWATAN 5 : PEMBANTU AWAM GRED H11**

**Klasifikasi** : Kemahiran (H)

**Kumpulan** : Pelaksana

**Taraf Jawatan** : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

**Penempatan** : Semenanjung Malaysia & Sarawak

**Jadual Gaji** : Gred H11

**Gaji Minimum**  
RM1,218.00

**Gaji Maksimum**  
RM2,939.00

**1. Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,218.00).

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. Ringkasan Tugas** : (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

(b) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

## CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
  - a. **Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**
  - b. **Memohon jawatan yang berkaitan**
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (**Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan**). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- iv) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

**TARIKH TUTUP IKLAN : 3 JULAI 2022**

*Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037*